

36  
SOALAN NO.: 324

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
KAWASAN : GERIK**

**SOALAN:**

**YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha dibuat bagi memastikan Jalan Gerik ke Kelantan dan Jalan Gerik ke Baling dibaiki kerana kerosakan yang agak teruk, berlubang serta garisan hilang di atas jalan raya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan Jalan Persekutuan diselenggara dengan baik untuk memberikan keselesaan dan jalan yang selamat kepada pengguna jalan raya.

Pada tahun 2017, Kementerian Kerja Raya telah meluluskan jumlah peruntukan sebanyak **RM5.6 juta** untuk melaksanakan program penyenggaraan kerja berkala pavemen (membaiki kerosakan jalan raya) di daerah Hulu Perak, Perak Darul Ridzuan.

Bagi Jalan Persekutuan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, ia merupakan jalan di laluan FT004 bermula dari Kupang, Baling melalui Gerik hingga ke sempadan Kelantan. Jumlah peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak **RM1.5 juta** bagi tujuan penyenggaraan kerja berkala pavemen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani masalah garisan jalan yang hilang, sebanyak **RM1.2 juta** akan diperuntukkan pada tahun 2018 melalui program penyelenggaraan berkala bukan pavemen (mengecat garisan jalan).

Sekian, terima kasih.